

**PERHUBUNGAN DI ANTARA KUALITI PERSAHABATAN,
KONSEP DIRI DAN KERISAUAN SOSIAL DI KALANGAN
PELAJAR-PELAJAR PEREMPUAN SEKOLAH MENENGAH**

Oleh

LOW SIEW WAH

Tesis yang diserahkan untuk memenuhi
keperluan bagi Ijazah Sarjana Pendidikan

Jun 1995

PENGHARGAAN

Segala puji, syukur dan kemuliaan bagi Tuhan Yesus kerana kasih karuniaNya yang berkelimpahan memungkinkan kajian ini disempurnakan.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada penyelia utama saya, Profesor Maznah Ismail atas kesabaran, keikhlasan dan ketekunan beliau dalam membimbing saya sepanjang kajian ini dijalankan.

Ribuan terima kasih juga saya tujukan kepada penyelia bersama saya, Prof. Madya Ng Wai Kong yang memberi nasihat dan tunjuk ajar bagi menjayakan kajian ini.

Penghargaan saya juga ditujukan kepada Lobby Loekmono yang telah banyak memberi sokongan moral, pendapat serta bantuan di dalam penaakulan statistik. Terima kasih juga saya ucapkan kepada kawan-kawan sekursus yang sudi mengongsikan pengetahuan, nota dan pendapat walaupun mereka terpaksa memikul beban sendiri.

Budi baik Puan Siti Aishah Yeap yang menolong dalam menyusun dan mencetak tesis ini juga amat saya hargai.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan saya kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama mereka kepada saya baik secara langsung atau secara tidak langsung sehingga kajian ini dapat diselesaikan.

Ahkir sekali, kepada keluarga yang tersayang yang telah memberi sokongan sepenuhnya dan saudara-saudari seiman yang mendokong saya dalam doa, saya doakan agar berkat Tuhan dilipatgandakan di dalam hidup setiap mereka.

JADUAL KANDUNGAN

Kandungan	Halaman
Penghargaan	i
Jadual Kandungan	ii
Senarai Jadual	v
Senarai Rajah	vi
Abstrak	vii
Abstract	viii

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Rangka Teoritis	4
1.2.1	Persahabatan Remaja ✓	4
1.2.2	Konsep Diri	5
1.2.3	Kerisauan	9
1.2.4	Kualiti Persahabatan, Konsep Diri Dan Kerisauan Sosial	10
1.3	Pernyataan Masalah	12
1.4	Tujuan Kajian	14
1.5	Definisi Operasional	15
1.5.1	Kualiti Persahabatan	15
1.5.2	Konsep Diri	15
1.5.3	Kerisauan Sosial	16
1.6	Kepentingan Kajian	16
1.7	Batasan Kajian	18

BAB 2 TINJAUAN TEORI-TEORI DAN KAJIAN LEPAS

2.1	Persahabatan Remaja	20
2.1.1	Interaksi	20
2.1.2	Simbol	22
2.1.3	Teori Paivio Tentang Simbol Dalam Proses Kognitif	24
2.1.4	Teori Mead Tentang Asal Usul Konsep Diri	26
2.1.5	Rumusan Teori Pavio Dan Mead	29
2.2	Kualiti Persahabatan	29
2.3	Konsep Diri Remaja	32
2.3.1	Struktur Konsep Diri	33
2.4	Kerisauan Sosial	36
2.5	Tinjauan Kajian Lepas	39

2.5.1	Persahabatan Dan Konsep Diri ✓	39
2.5.2	Kajian-Kajian Tempatan	41
2.5.3	Rumusan	44
2.5.4	Persahabatan Dan Kerisauan Sosial	45
2.5.5	Kajian-Kajian Tempatan	46
2.5.6	Rumusan	46
2.6	Tinjauan Alat Pengukuran	47
2.6.1	Alat Pengukuran Persahabatan	47
2.6.2	Alat Pengukuran Konsep Diri	54
2.6.3	Alat Pengukuran Kerisauan Sosial	58
2.7	Kesimpulan	60

BAB 3 KAEDAH PENYELIDIKAN

3.1	Sampel Dan Alat Kajian	61
3.2	Alat Kajian	61
3.2.1	Skala Persahabatan Frankel	62
3.2.2	'Self-Description Questionnaire II'	64
3.2.3	Skala Kerisauan Sosial Buss	67
3.3	Pentadbiran Alat Kajian	68
3.4	Analisis Data	68

BAB 4 HASIL KAJIAN

4.1	Korelasi Di Antara Kualiti Persahabatan, Konsep Diri Dan Kerisauan Sosial	70
4.1.1	Korelasi Di Antara Kualiti Persahabatan Dengan Konsep Diri	71
4.1.2	Korelasi Di Antara Kualiti Persahabatan Dengan Kerisauan Sosial	71
4.1.3	Sumbangan Konsep Diri Dan Kerisauan Sosial Terhadap Kualiti Persahabatan	72
4.1.3(a)	Sumbangan Konsep Diri dan Kerisauan Sosial Kepada Persahabatan Am	72
4.1.3(b)	Sumbangan Konsep Diri dan Kerisauan Sosial Kepada Persahabatan Intim	73
4.1.4	Korelasi Di Antara Konsep Diri Dengan Kerisauan Sosial	74
4.2	Min Dan Sisihan Lazim	75
4.2.1	Kualiti Persahabatan ✓	76
4.2.2	Konsep Diri	78
4.2.3	Kerisauan Sosial	79
4.3	Analisis Varians	79
4.3.1	Min dan Sisihan Lazim Kualiti Persahabatan Untuk Tiga Tahap Konsep Diri	79

4.3.2	Min dan Sisihan Lazim Kualiti Persahabatan Untuk Tiga Tahap Kerisauan Sosial	82
4.4	Rumusan	83
4.5	Ciri-Ciri Psikometrik Alat-Alat Pengukuran	84
4.5.1	Skala Persahabatan	84
4.5.2	'Self-Description Questionnaire II'	86
4.5.3	Skala Kerisauan Sosial	88

BAB 5 PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI

5.1	Hasil-Hasil Kajian Yang Penting	90
5.2	Dapatan-Dapatan Lain	90
5.3	Perbincangan	92
5.3.1	Kualiti Persahabatan dan Konsep Diri	92
5.3.2	Kualiti Persahabatan dan Kerisauan Sosial	94
5.3.3	Konsep Diri dan Kerisauan Sosial	95
5.3.4	Dapatan-Dapatan Lain	96
5.3.5	Rumusan	99
5.3.6	Ciri-Ciri Psikometrik Alat Pengukuran	100
	5.3.6(a) Skala Persahabatan	100
	5.3.6(b) SDQ II	101
	5.3.6(c) Skala Kerisauan Sosial	101
5.4	Kesimpulan	101
5.5	Implikasi Kajian dan Cadangan-Cadangan	103
	RUJUKAN	107
	LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

Jadual	Tajuk	Halaman
3.1	Kebolehpercayaan sub-sub skala Skala Persahabatan Frankel	63
3.2	Kebolehpercayaan SDQ (Marsh,1990)	66
3.3	Ketekalan Dalaman SDQ II (Maznah & Yoong,1994)	66
4.1	Korelasi Di Antara Pembolehubah-Pembolehubah Kajian	70
4.2	Min dan Sisihan Lazim Pembolehubah-Pembolehubah Kajian	75
4.3	Perbandingan Min dan Sisihan Lazim untuk sub-skala Skala Persahabatan	78
4.4	Min dan Sisihan Lazim Kualiti Persahabatan Bagi Tiga Tahap Konsep Diri	80
4.5	ANOVA Persahabatan Am Bagi Tiga Tahap KD	80
4.6	ANOVA Persahabatan Intim Bagi Tiga Tahap KD	80
4.7	Kesignifikanan Perbezaan Tahap Konsep Diri Di Dalam Kualiti Persahabatan	81
4.8	Min dan Sisihan Lazim Kualiti Persahabatan Bagi Tiga Tahap Kerisauan Sosial	82
4.9	ANOVA Persahabatan Am Bagi Tiga Tahap Kerisauan Sosial	82
4.10	ANOVA Persahabatan Intim Bagi Tiga Tahap Kerisauan Sosial	82
4.11	Kesignifikanan Perbezaan Tahap Kerisauan Sosial Di Dalam Kualiti Persahabatan	83
4.12	Ketekalan Dalaman sub-skala Skala Persahabatan	84
4.13	Korelasi sub-skala Skala Persahabatan Am	85
4.14	Korelasi sub-skala Skala Persahabatan Intim	85
4.15	Ketekalan Dalaman Faset-Faset Konsep Diri Bukan Akademik	86
4.16	Ketekalan Dalaman Aspek-Aspek Konsep Diri Bukan Akademik	87
4.17	Korelasi Aspek-Aspek Konsep Diri	87

SENARAI RAJAH

Rajah	Tajuk	Halaman
1.1	Hubungan Antara Diri Dan Orang Lain (Kinch, 1963)	8
1.2	Kaitan Di Antara Persahabatan Dan Konsep Diri	9
1.3	Model Kajian	12
2.1	Model Perhubungan Remaja Dengan Rakan Sebaya	31
2.2	Model Struktur Konsep Diri Shavelson Dan Rakan-Rakan (1976)	35
2.3	Model Kesedaran Kendiri Buss (1980)	38

ABSTRAK

Kajian ini meninjau perhubungan serta sumbangan aspek-aspek Konsep Diri Bukan Akademik dan Kerisauan Sosial kepada Kualiti Persahabatan pelajar-pelajar perempuan sekolah menengah. Sebagai maklumat tambahan, kajian ini juga meneliti perhubungan Konsep Diri dan Kerisauan Sosial yang berbeza tahapnya dengan Kualiti Persahabatan.

Sampel kajian terdiri daripada 300 pelajar perempuan Tingkatan Empat di beberapa buah sekolah menengah perempuan di Pulau Pinang. Pelajar-pelajar ini terdiri daripada pelajar-pelajar pelbagai kaum.

Kualiti Persahabatan iaitu Persahabatan Am dan Persahabatan Intim diukur dengan Skala Persahabatan Frankel. Aspek- aspek Konsep Diri Bukan Akademik terdiri daripada Konsep Diri Fizikal, Konsep Diri Sosial dan Konsep Diri Emosional. Selain itu, Konsep Diri Am (Penghargaan Kendiri) juga dikaji. Semua aspek ini membentuk Konsep Diri Bukan Akademik yang diukur dengan *Self-Description Questionnaire II* (SDQ II). Kerisauan Sosial pula diukur dengan Skala Kerisauan Sosial Buss.

Hasil kajian menunjukkan semakin intim persahabatan, semakin ia berkait dengan Konsep Diri dan Kerisauan Sosial. Konsep Diri Sosial menjadi peramal terbaik kepada Kualiti Persahabatan berbanding dengan aspek-aspek lain. Kerisauan Sosial menyumbang secara signifikan kepada Persahabatan Intim tetapi bukan kepada Persahabatan Am. Selain itu, didapati juga yang Konsep Diri berkait secara signifikan dengan Kerisauan Sosial dan pelajar dengan Konsep Diri tinggi dan Kerisauan Sosial rendah mempunyai Kualiti Persahabatan yang lebih baik.

**THE RELATIONSHIP BETWEEN FRIENDSHIP QUALITY,
SELF-CONCEPT AND SOCIAL ANXIETY OF A GROUP
OF SECONDARY SCHOOL FEMALE STUDENTS.**

ABSTRACT

This study investigated the correlation and contribution of various aspects of Non-Academic Self-Concept and Social Anxiety to the Friendship Quality of Secondary School female students. In addition, this study also examined the relationship between different levels of Self-Concept and Social Anxiety with Friendship Quality.

The sample of this study consisted of 300 Form Four female students drawn from secondary girl schools in Penang. These students came from a multi-racial background.

Frankel's Friendship Scale was used to measure Friendship Quality which consisted of General-Friend Friendship and Best-Friend Friendship. Various aspects of self-concept that is, Physical Self-Concept, Social Self-Concept, Emotional Self-Concept and General Self-Concept (Self-Esteem) were measured using the Self-Description Questionnaire II. Social Anxiety was measured using The Social Anxiety Scale.

The results indicated that the more intimate the friendship was, the stronger its correlation with the Self-Concept and Social Anxiety. Compared to the other aspects of Self-Concept, Social Self-Concept was the best predictor of Friendship Quality. Social Anxiety contributed significantly to Intimate Friendship but not to General Friendship. Self-Concept was found to correlate significantly with Social Anxiety. It was also found that students with high Self-Concept and low Social Anxiety had better Friendship Quality.

BAB 1

PENGENALAN

SAHABAT

Salam kasih untuk sahabat
Yang bersusah kerana kesusahanku
Memberiku pinjaman
Apa yang sukar aku bayarkan
Memberiku kefahaman
Apa yang dulu aku keliru.

Salam kasih untuk sahabat
Yang mengajarku jangan jemu
Ilmu tidak tawar oleh ulangan
Jiwa tidak luntur oleh sumpahan
Salam hormat setingginya sahabat
Aku kagum pada hujahmu.

Aku pernah tiba pada tempat
Di mana pujian murah
Cacian juga semakin cepat
Aku pernah tiba pada padang
Di mana kebenaran semakin jarang.

Kini di sini aku berdiri
Dengan kaki peribadi sendiri
Pertemuan singkat denganmu sahabat
Menghadihkan padaku makna hakikat.

Rahman Shaari (1979)

1.1 PENDAHULUAN

Perkataan 'sahabat' yang digunakan oleh penyajak di atas adalah sangat bermakna bagi diri penyajak kerana sahabatnya telah banyak berusaha menolongnya dari segi kewangan, mental dan emosi. Pengalamannya dengan sahabat yang sebegini mungkin telah menolong membina personaliti dan memperkayakan pengalamannya secara sihat.

Sebenarnya perkataan ini mempunyai banyak makna kerana bukan semua perhubungan dengan sahabat merujuk kepada perkara yang sama. Walaupun terdapatnya kamus yang cuba menjelaskan maksud sahabat, ini tidak bermakna ia dapat diperjelaskan dengan lengkap. Kamus Dewan (1989) mendefinisikan sahabat sebagai kawan, handai, taulan, teman. Bersahabat bermaksud berkenalan dan berbaik-baik di antara satu sama lain. Kamus Oxford (1982) pula mendefinisikan sahabat sebagai suatu keadaan seseorang itu menjadi kawan; kaitan di antara orang sebagai kawan. Jadi kamus juga tidak dapat menerangkan maksud kawan dengan sejelas-jelasnya kerana kamus tidak mengambil kira konteks dan keadaan di mana berlakunya persahabatan itu.

Willmott (1987) menghuraikan persahabatan sebagai satu perhubungan secara sukarela dan berbentuk intim. Perhubungan ini tidak berdasarkan pertalian persaudaraan atau tuntutan undang-undang. Walaupun ia mungkin berterusan tetapi dengan berkembangnya keintiman, perhubungan ini boleh wujud untuk satu jangka masa yang panjang. Jadi persahabatan ialah satu perhubungan yang wujud di antara dua atau lebih daripada dua orang secara sukarela dan perhubungan ini sering kali memberi kesejahteraan kepada mereka yang terlibat di dalam perhubungan ini.

Persahabatan adalah sangat penting kepada manusia. Aristotle seperti yang dinyatakan oleh Willmott (1987) pernah berkata:

'Friendship is one of the things which life can least afford to be without.'

Manusia dilahirkan dengan keperluan untuk kasih sayang. Selain daripada kasih sayang yang diberikan oleh keluarga, manusia juga perlukan kasih sayang daripada kawan. Kekurangan kasih sayang merupakan satu masalah sejagat yang menimbulkan kerisauan. Persahabatan adalah penting untuk mengelakkan rasa sunyi yang boleh menimbulkan kecelaruan psikologikal. Ahli-ahli psikologi berpendapat

yang kawan-kawan adalah perlu untuk mengkonkritkan dunia seseorang dan untuk mengenalpasti personaliti keseluruhannya. Itulah mungkin sebabnya mengapa dialog di atas kerusi ahli psikoterapi merupakan satu-satunya peluang penting untuk mereka yang tiada kawan atau yang sunyi untuk meluahkan perasaan mereka.

Satu lagi keistimewaan mempunyai kawan ialah kawan kita boleh menolong kita merealisasikan diri. Sebenarnya ibu bapa boleh menjadi batu penghalang kepada kita untuk merealisasikan diri atau mencapai cita-cita kita. Disebabkan kita telah lama tinggal bersama ibu bapa kita, mereka dapat melihat banyak kelemahan yang ada pada diri kita. Dengan itu adalah sukar untuk mereka menerima perkembangan kita menjadi seorang yang agak berbeza. Contohnya sekiranya kita bercita-cita untuk menjadi seorang pemuzik pop, pelakon atau seorang profesional, kawan-kawan kita akan lebih bersikap terbuka dan memberi sokongan emosi dan moral berbanding dengan keluarga kita. Kawan-kawan adalah lebih liberal dan sedia untuk memberi sokongan kepada kita untuk mencuba berbagai-bagai peranan.

Kawan merupakan tempat kita meluahkan rahsia kita dan ini mungkin tidak dapat dilakukan dengan keluarga atau saudara mara kita. Merekalah yang memberi nasihat tentang masalah-masalah peribadi dan memberi sokongan emosional serta bersimpati dengan apa yang kita hadapi. Setelah meninjau kajian-kajian lain dan kajiannya sendiri, Wenger (1984) menyatakan bahawa kawan adalah jauh lebih penting dalam memenuhi keperluan untuk mendapat sokongan emosional dan tempat meluahkan perasaan. Walaupun ini tidak boleh diaplikasikan ke dalam semua situasi, kawan adalah suatu sumber berkesan yang memberi sokongan emosional terutamanya dalam hal-hal yang tidak senang dibincangkan dengan keluarga atau saudara mara. Keseronokan berada bersama kawan, kegembiraan yang wujud kerana dapat bersama, berbual-bual, bergelak ketawa merupakan beberapa bentuk sokongan yang diberikan oleh kawan. Jadi tidak syak lagilah kawan memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan kita.

1.2 RANGKA TEORITIS

Perbincangan teoritis untuk melihat bagaimana Persahabatan atau Pergaulan Sosial dikaitkan dengan Konsep Diri dan Kerisauan Sosial akan dilihat di dalam bahagian ini.

1.2.1 Persahabatan Remaja

Bukowski, Hoza & Boivin (1993) mencirikan zaman remaja sebagai zaman perkembangan yang paling mencabar dalam hidup seseorang. Pada zaman ini perhubungan interpersonal anak muda mula berubah kerana anak muda itu berhadapan dengan banyak cabaran baru. Sebagai sebahagian daripada perubahan ini, jalinan perhubungan yang sihat dengan rakan sebaya dan perkembangan kesejahteraan emosional menjadi semakin penting. Dalam pergaulan rakan sebaya kawan-kawan dapat memberi sokongan dan rasa selamat untuk menolong remaja mendapat kebebasan emosi daripada keluarganya. Rakan sebaya juga merupakan sumber maklum balas yang penting tentang idea dan tingkah laku remaja. Pada masa ini remaja akan berasa tidak tentu arah (*disoriented*) kerana kedudukannya yang bukan lagi kanak-kanak di dalam budayanya serta disisih oleh komuniti orang dewasa. Persahabatan dengan kawan-kawan akan menolong remaja menghadapi perasaan 'sesat' ini dan mengurangkan ketidakpastian, rasa serba salah, bimbang tentang cara-cara berfikir, berasa dan bertingkah laku. Ini adalah kerana pada zaman ini remaja perlu belajar tingkah laku yang dapat diterima oleh masyarakat. Dalam menegaskan kepentingan perhubungan rakan sebaya terhadap perkembangan kognitif dan sosial serta keberkesanan seseorang dewasa berfungsi, Parker & Asher (1987) berpendapat bahawa peramal paling awal yang dapat meramalkan penyesuaian seseorang dewasa bukanlah terletak pada kecerdasannya (IQ), atau pencapaian akademiknya atau tingkah lakunya di dalam bilik darjah tetapi pada kebolehan anak muda itu bergaul dengan rakan sebayanya.

Persahabatan remaja besar artinya pada zaman ini. Hartup (1993) berpendapat bahawa hasil perkembangan yang baik bergantung kepada sama ada seseorang itu mempunyai kawan dan bagaimana dia meneruskan perhubungannya. Persahabatan menyediakan peluang untuk seseorang itu mengalami sosialisasi. Perhubungan begini penting untuk seseorang itu mengawal emosinya, memahami dirinya dan dalam pembentukan dan penerusan perhubungan-perhubungan seterusnya (termasuklah perhubungan romantik).

Kajian-kajian empiris yang cuba melihat kesan persahabatan ke atas remaja mendapati bahawa remaja yang mempunyai persahabatan yang stabil mempunyai penghargaan sendiri yang lebih tinggi (Mannarino, 1978; Bukowski, Newcomb & Hoza, 1987) dan lebih mementingkan orang lain berbanding dengan mereka yang tidak mempunyai persahabatan yang stabil (Mannarino, 1976). Sebaliknya kanak-kanak dan remaja yang tidak mempunyai kawan melaporkan yang mereka merasa sunyi dan sugul (Asher, Hymel & Renshaw, 1984).

Walaupun dalam kajian-kajian lepas persahabatan dikaitkan dengan hasil perkembangan mental dan emosi yang baik namun kajian-kajian tersebut tidak membezakan kualiti persahabatan yang terjalin di kalangan remaja. Oleh yang demikian Kualiti Persahabatan harus ditinjau sebagai suatu unsur dinamik yang berkaitan dengan perkembangan mental dan emosi remaja.

1.2.2 Konsep Diri

Konsep Diri merujuk kepada fikiran dan perasaan seseorang individu terhadap dirinya. Ahli-ahli psikologi teori interaksi simbolik menegaskan bahawa Konsep Diri seseorang datangnya daripada interaksinya dengan persekitarannya khususnya daripada persepsi seseorang individu tentang gerakbalas orang lain terhadapnya semasa interaksi itu berlaku. Cooley (1964) dalam teorinya *Looking Glass Self* berpendapat bahawa kita mendapat konsep tentang diri kita melalui imaginasi kita

terhadap pendapat orang lain tentang diri kita. Hal ini berlaku melalui tiga prinsip iaitu:

- a) imaginasi tentang bagaimana orang lain menanggapi rupa paras kita.
- b) imaginasi tentang bagaimana orang lain menilai rupa paras kita dan
- c) mendapat sesuatu perasaan sendiri (*self-feeling*) sama ada berasa bangga atau sebaliknya.

Dengan kata lain, dalam menjelaskan teori Cooley (1964), Webster & Sobieszek (1974) menyatakan Konsep Diri kita bergantung kepada pemerhatian kita terhadap reaksi dan pendapat orang lain terhadap diri kita. Sekiranya orang yang signifikan (ibu bapa dan rakan sebaya) memberi pandangan positif kepada kita maka Konsep Diri kita yang terbentuk akan menjadi lebih positif berbanding dengan pandangan negatif yang diberikan. Mead (1934) berpendapat bahawa sekiranya seseorang itu menghargai dirinya, ini adalah kerana terdapat orang yang penting di dalam hidupnya yang telah melayannya dengan perhatian dan penghormatan. Sebaliknya jika seseorang itu tidak menghargai dirinya, ini adalah kerana orang-orang yang signifikan di dalam hidupnya telah melayaninya sebagai suatu objek yang rendah mutunya.

Kinch (1963) setelah mengambil kira pendapat Cooley telah mengemukakan teori beliau tentang pembentukan Konsep Diri. Menurut beliau, konsepsi individu muncul hasil daripada interaksi sosial dan seterusnya mengarahkan atau mempengaruhi tingkah laku individu itu.

Empat konsep penting di dalam Teori Kinch (1963) ialah:


- a) Konsep Diri (KD) - organisasi kualiti-kualiti yang diberikan oleh individu kepada dirinya.

- b) Persepsi (P) - persepsi individu tentang gerakbalas orang lain terhadapnya.
- c) Gerakbalas (G) - gerakbalas sebenar orang lain terhadapnya.
- d) Tingkah Laku (T/L) - tingkah laku individu yang relevan kepada situasi sosial.

Menurut beliau, keempat-empat unsur di atas merupakan suatu kitaran di dalam kehidupan individu. Beliau mengemukakan teorinya berdasarkan beberapa andaian, iaitu:

- i) Konsep Diri seseorang individu adalah berlandaskan persepsinya tentang bagaimana orang lain bergerakbalas kepadanya.
- ii) Konsep Diri seseorang individu berfungsi untuk mengarahkan tingkah lakunya.
- iii) Persepsi individu tentang gerakbalas orang lain terhadapnya ialah refleksi gerakbalas sebenar orang lain terhadapnya.

Pembentukan andaian-andaian seterusnya adalah berlandaskan ketiga-tiga andaian di atas. Beliau berpendapat, sekiranya



Oleh yang demikian,

- iv) Cara individu mempersepsikan gerakbalas orang lain terhadapnya akan mempengaruhi tingkah lakunya.

Dengan cara yang sama, gabungan Andaian (i) dan (iii) akan mendapat Andaian Kelima iaitu:

- v) Gerakbalas sebenar orang lain terhadap individu akan menentukan cara individu mengkonsepsikan dirinya.

Seterusnya gabungan Andaian (v) dan (ii) atau Andaian (iii) dan iv akan menghasilkan Andaian keenam iaitu:

vi) Gerakbalas sebenar orang lain terhadap individu akan mempengaruhi tingkah laku individu.

Rumusan daripada semua andaian di atas ialah gerakbalas sebenar orang lain kepada individu adalah penting untuk menentukan bagaimana individu itu mempersepsikan dirinya. Persepsi ini akan mempengaruhi Konsepsi Dirinya yang seterusnya akan mengarahkan tingkah lakunya. Secara simbolik, pendapatnya berbentuk demikian:




Daripada pemerhatiannya sendiri, Kinch (1963) telah membentuk Andaian ketujuh untuk melengkapkan teorinya. Andaianya yang ketujuh berbunyi:

vii) Tingkah laku yang ditunjukkan oleh individu akan mempengaruhi gerakbalas sebenar orang lain terhadap dirinya.


Dengan itu teori beliau tentang keempat-empat konsep itu berbentuk suatu kitaran:

Rajah 1.1: Hubungan Antara Diri Dan Orang Lain (Kinch, 1963)



Daripada teori Kinch (1963) yang berlandaskan Teori Interaksi Simbolik jelas kita nampak kaitan yang berbentuk dua hala di antara perhubungan dengan orang lain dengan Konsep Diri. Sekiranya kita menganggap Persahabatan sebagai interaksi interpersonal dengan rakan sebaya maka kaitan kedua-dua pembolehubah boleh dilihat sebagai berikut:

Rajah 1.2: Kaitan Di Antara Persahabatan Dan Konsep Diri



1.2.3 Kerisauan

Kerisauan mula melanda seseorang anak muda apabila dia melangkah ke dalam zaman remaja (Ausubel dan rakan-rakan, 1977). Ini adalah kerana tempoh masa ini dipenuhi dengan perubahan-perubahan di dalam bentuk badan, tugas, tanggungjawab, peranan sosial dan ekonomi serta perhubungan dengan orang lain. Apabila remaja itu belajar memainkan peranan orang-orang dewasa, mereka juga terpaksa berhadapan dengan satu set jangkaan dan tuntutan sosial yang baru. Pada masa yang sama, mereka juga terpaksa berhadapan dengan perubahan-perubahan fizikal yang berlaku dengan agak cepat. Perubahan-perubahan fizikal ini disertai dengan dorongan-dorongan seksual. Disebabkan remaja tinggal di dalam masyarakat yang berbudaya, maka mereka diharap dapat mengawal dorongan-dorongan seksual mereka dan bertingkah laku sejajar dengan kehendak masyarakat. Konflik antara tekanan dorongan seksual dan tuntutan masyarakat supaya mengawal tekanan tersebut boleh menimbulkan kerisauan di dalam diri remaja.

Menurut Erikson (1968), pada tempoh ini remaja akan mula menanyakan siapakah diri mereka dan apakah arah/tujuan hidup mereka. Mereka akan mencari-cari identiti mereka dan masa ini digelar sebagai suatu krisis identiti. Krisis ini harus diselesaikan sebelum mereka boleh berganjak ke tahap perkembangan lain dengan kesihatan mental yang memuaskan. Dengan wujudnya krisis ini sudah tentu kerisauan wujud bersama dalam mencirikan tempoh masa ini. Perkembangan kognitif juga akan menyebabkan remaja dapat berfikir secara lebih abstrak (Piaget,1970). Ini menyebabkan mereka berupaya memikirkan tentang diri mereka dan masa depan mereka. Berhubung dengan keupayaan berfikir secara abstrak, Elkind (1967) berpendapat bahawa egosentrisme akan wujud di dalam zaman remaja. Egosentrisme ini terdiri daripada komponen Penonton Khayalan dan Dongengan Peribadi. Dengan adanya unsur-unsur yang sering menfokus kepada diri, maka kesedaran sendiri (*self-consciousness*) menjadi ketara dalam zaman remaja.

Enright dan rakan-rakan (1980) dalam kajian mereka tentang hubungan unsur-unsur egosentrisme dengan kesedaran sendiri mendapati bahawa walaupun unsur-unsur egosentrisme menurun dengan meningkatnya usia remaja tetapi fokus sendiri (*self-focus*) remaja meningkat sampai ke akhir zaman remaja. Pengkaji-pengkaji ini mendapati bahawa remaja yang lebih tua khususnya remaja perempuan mempunyai tahap kesedaran sendiri yang lebih.

1.2.4 Kualiti Persahabatan, Konsep Diri Dan Kerisauan Sosial

Teori Sullivan (1953) telah menyarankan bagaimana persahabatan yang intim dapat menolong memenuhi keperluan seseorang yang sedang berkembang dari suatu tahap perkembangan kepada tahap yang lain. Keintiman ini akan menjamin yang seseorang itu akan mempunyai mental yang sihat.


Kajian-kajian empiris juga telah membuktikan bahawa kanak-kanak yang mempunyai pergaulan yang sihat akan cenderung bertingkah laku secara positif. Mereka yang tidak ada kepuasan di dalam pergaulan sosial cenderung memmanifes-tasikan kerisauan serta tingkah laku anti-sosial. Semua ini akan mempengaruhi cara mereka mempersepsikan diri mereka iaitu dengan mempunyai Konsep Diri yang agak negatif. Akibatnya boleh menyebabkan mereka rasa rendah diri dan cuba mengelak daripada bergaul dengan rakan-rakan sebaya. Di samping itu, teori pembentukan Konsep Diri juga menyarankan bahawa seseorang individu mendapat konsep tentang dirinya melalui interaksinya dengan orang lain yang penting atau signifikan kepadanya.

Pada masa yang sama orang-orang yang mempunyai Konsep Diri yang lebih positif akan lebih berjaya di dalam pergaulan mereka kerana kajian-kajian empiris telah menunjukkan bahawa orang-orang ini boleh bergaul dengan lebih intim dan mesra kerana mereka sudah menerima diri mereka dan seterusnya mempunyai keupayaan yang lebih untuk menerima orang lain. Jadi kaitan di antara Konsep Diri dan kualiti persahabatan ini berbentuk dua hala dan saling mempengaruhi. Begitu juga dengan hubungan antara kualiti persahabatan dengan kerisauan sosial. Kerisauan sosial ialah fenomena interpersonal yang wujud akibat daripada pengalaman tidak manis di dalam pergaulan. Hal ini juga akan menyebabkan individu-individu yang mempunyai tahap kerisauan sosial yang tinggi mengelak pergaulan sosial supaya tidak mengalami kerisauan sosial. Orang yang mempunyai Konsep Diri yang baik kurang mengalami kerisauan sosial dan orang yang sering risau dalam pergaulan cenderung mempunyai Konsep Diri yang agak negatif (Geist & Hamrick, 1983; Haynes & Avery, 1984).

Daripada huraian di atas, maka kita dapat melihat kaitan di antara ketiga-tiga pembolehubah. Model kajian mengenai perkaitan di antara Kualiti Persahabatan, Konsep Diri dan Kerisauan Sosial boleh digambarkan sebagai berikut:

Rajah 1.3: Model Kajian

KP= Kualiti Persahabatan
KD= Konsep Diri
RIS-SOS= Kerisauan Sosial



Penindihan di antara ketiga-tiga pembolehubah di atas menunjukkan kaitan di antara satu sama lain dan tidak menunjukkan sebarang kesan sebab-akibat (*causality*).

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Malaysia dalam menggariskan objektif Wawasan 2020 mengimpikan sebuah masyarakat yang bersatu dan berintegrasi, tenteram, yakin pada diri sendiri, bangga, dihormati, bersefahaman, bermoral dan beretika, liberal, bertolak-ansur, setia, penyayang dan adil (Rancangan Malaysia Keenam). Ini menunjukkan yang Malaysia bukan sahaja mementingkan kemajuan dari segi teknologi, ekonomi dan ilmu tetapi juga nilai-nilai kemanusiaan. Malangnya apa yang sedang terjadi ialah peratusan kes-kes juvena telah meningkat sejak 1991 dan ini merupakan gejala yang membimbangkan (*The Star*, 12 April, 1993). Sekiranya trend ini berterusan maka impian negara mungkin tidak tercapai.

Tambahan lagi kajian-kajian tempatan mendapati bahawa antara sifat-sifat remaja kita ialah perasaan cemas, penakut, pemalu, takut untuk melakukan kesilapan dan kurang keyakinan diri (Chiam & Nik Aziz, 1982); kurang kasih sayang daripada ibu bapa mereka (Chiam & Fatimah, 1982). Semua ini merupakan masalah-masalah yang membimbangkan kita dan merupakan petanda yang memberi gambaran kepada kita bahawa remaja mungkin mengalami masalah dalam pergaulan mereka serta cara mereka mempersepsikan diri mereka. Sama ada masalah-masalah psikologikal ini ada

perkaitan dengan cara mereka berinteraksi di sekolah masih belum dikenal pasti. Oleh yang demikian, salah satu aspek yang penting dan harus dilihat ialah kualiti persahabatan mereka di sekolah kerana mereka banyak menghabiskan masa mereka di sekolah.

Walaupun sistem pendidikan kita mementingkan aspek akademik tetapi Falsafah Pendidikan Negara menegaskan yang insan yang hendak dihasilkan daripada sistem pendidikan kita ialah insan yang seimbang iaitu pelajar yang cemerlang dari segi akademik dan bukan akademik. Setakat ini banyak kajian yang telah dilakukan untuk mencari teknik yang lebih efektif untuk meningkatkan prestasi akademik pelajar tetapi tidak banyak kajian yang meninjau aspek diri sosial remaja dalam melihat dan memahami diri remaja. Persahabatan yang akan ditinjau di dalam kajian ini dibezakan daripada populariti. Untuk sekian lama perhubungan remaja dengan rakan sebaya sering disamakan dengan populariti remaja tetapi kajian-kajian empiris yang ada telah menunjukkan yang remaja yang tidak popular tidak semestinya mengalami masalah psikologi. Ini merupakan isu baru yang harus disedari oleh para pengkaji yang persahabatan harus dibezakan dengan populariti.

Setakat ini belum ada kajian yang melihat kualiti persahabatan remaja dan kaitannya dengan Konsep Diri serta kerisauan sosial remaja. Ini merupakan kajian yang dapat memberi gambaran tentang kesihatan mental remaja dengan melihat bagaimana Kualiti Persahabatan berkait dengan Konsep Diri serta Kerisauan Sosial.

Sistem pendidikan kita terlalu menitikberatkan aspek akademik tetapi kurang memberi perhatian kepada aspek sosial pelajar. Keupayaan kognitif tidak mungkin dapat berfungsi dengan sepenuhnya tanpa kesejahteraan psikologikal dan sosial. Di samping itu kecerdasan dan pencapaian akademik yang cemerlang akan tidak bererti jika seseorang itu tidak mempunyai persahabatan yang berkualiti dan sering merasa risau dalam situasi sosial.

Oleh yang demikian, aspek diri sosial remaja harus ditinjau untuk memberi keseimbangan kepada kajian-kajian tempatan yang ada di samping dapat melihat persahabatan remaja sebagaimana yang dimaksudkan dan bukannya populariti secara am.

1.4 TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk melihat Kualiti Persahabatan iaitu persahabatan dengan kawan-kawan secara am (PAM) dan secara intim (PIN) pelajar-pelajar perempuan sekolah menengah dan sama ada Kualiti Persahabatan ini mempunyai kaitan dengan Konsep Diri Bukan Akademik dan Kerisauan Sosial mereka. Walaupun tinjauan teoritis membayangkan yang terdapat perhubungan di antara ketiga-tiga pembolehubah tetapi sama ada keadaan ini wujud di dalam konteks tempatan masih belum diketahui. Oleh yang demikian, kajian ini ingin menjawab soalan-soalan berikut:

- 1.4.1 Apakah perhubungan di antara Kualiti Persahabatan dan Konsep Diri pelajar-pelajar perempuan tingkatan empat?
- 1.4.2 Apakah perhubungan di antara Kualiti Persahabatan dan Kerisauan Sosial di kalangan pelajar-pelajar perempuan tingkatan empat?
- 1.4.3 Apakah sumbangan Konsep Diri dan Kerisauan Sosial terhadap Kualiti Persahabatan di kalangan pelajar-pelajar perempuan tingkatan empat?

Dua soalan kecil kepada soalan kajian di atas ialah:

- a) Apakah sumbangan Konsep Diri dan Kerisauan Sosial terhadap Persahabatan Am (PAM) pelajar-pelajar perempuan Tingkatan empat?
- b) Apakah sumbangan Konsep Diri dan Kerisauan Sosial terhadap Persahabatan Intim (PIN) pelajar-pelajar perempuan Tingkatan empat?

Soalan tambahan yang ingin dijawab ialah:

- 1.4.4 Apakah perhubungan di antara Konsep Diri dan Kerisauan Sosial di kalangan pelajar-pelajar perempuan tingkatan empat?

1.5 DEFINISI OPERASIONAL

Pembolehubah Sandaran dalam kajian ini ialah Kualiti Persahabatan yang akan dikaji daripada dua segi iaitu Persahabatan Am dan Persahabatan Intim. Pembolehubah bebas ialah Konsep Diri Bukan Akademik dan Kerisauan Sosial.

1.5.1 Kualiti Persahabatan

Kualiti Persahabatan dalam kajian ini merujuk kepada persahabatan yang terjalin dengan rakan sebaya. Kualiti Persahabatan dilihat daripada dua segi iaitu:

- a) Persahabatan Am (PAM) - Persahabatan dengan kawan-kawan secara am.
- b) Persahabatan Intim (PIN) - Persahabatan dengan sebilangan kecil sahabat karib.

Kedua-dua jenis persahabatan ini diukur dengan Skala Persahabatan Frankel (1990) di mana subjek menjawab soalan sekali untuk Persahabatan Am (24 item) dan sekali untuk Persahabatan Intim (22 item).

1.5.2 Konsep Diri

Konsep Diri ialah persepsi seseorang tentang dirinya. Bagi kajian ini Konsep Diri Bukan Akademik akan dikaji. Konsep Diri jenis ini terdiri daripada faset-faset seperti Keupayaan Fizikal, Rupa Paras, Perhubungan dengan Rakan Sebaya dan Ibu Bapa, Kejujuran dan Kestabilan Emosi. Selain itu Penghargaan Kendiri juga akan dikaji.

Beberapa faset membentuk sesuatu aspek Konsep Diri. Faset Keupayaan Fizikal dan Rupa Paras membentuk Aspek Konsep Diri Fizikal, faset Perhubungan Rakan Sebaya dan Ibu Bapa membentuk Aspek Konsep Diri Sosial dan faset Kejujuran dan Kestabilan Emosi membentuk Konsep Diri Emosional.

Alat pengukuran yang digunakan untuk mengukur aspek-aspek Konsep Diri ini ialah '*Self Description Questionnaire II*' (SDQ II) (Marsh, 1990). SDQ II yang terdiri daripada 102 item juga mengukur Konsep Diri Akademik. Bagi tujuan kajian ini, Konsep Diri yang akan dikaji ialah Konsep Diri Fizikal (16 item), Konsep Diri Sosial (26 item), Konsep Diri Emosional (20 item) serta Penghargaan Kendiri yang juga dikenali sebagai Konsep Diri Am (10 item).

1.5.3 Kerisauan Sosial

Kerisauan Sosial merujuk kepada suatu perasaan tidak selesa apabila berada bersama orang lain. Ia merangkumi perasaan malu (*embarrassed*), sifat pemalu (*shyness*) dan Kerisauan Penonton (*audience anxiety*).

Kesemua jenis perasaan ini diukur dengan menggunakan Skala Kerisauan Sosial (Buss, 1980) yang terdiri daripada enam item.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Walaupun Falsafah Pendidikan Negara menyatakan yang kita ingin mewujudkan insan yang seimbang melalui sistem pendidikan nasional, namun tinjauan terhadap kajian- kajian pendidikan tempatan menunjukkan yang masih terlalu banyak kajian yang menitikberatkan bidang akademik. Kajian ini merupakan usaha yang cuba melihat Kualiti Persahabatan remaja serta hubungannya dengan Konsep Diri dan Kerisauan Sosial remaja. Semoga hasil kajian ini dapat memberi sumbangan kepada:

- a) Para pendidik. Para pendidik harus mengambil kira persekitaran sosial pelajar di dalam pengajaran mereka. Lebih-lebih lagi dengan penerapan Kurikulum Bersekutu Sekolah Menengah (KBSM) yang menggalakkan kerja-kerja kumpulan. Tugas ini perlukan kerjasama dan suasana mesra untuk menjayakan sesuatu tugas. Sekiranya pelajar tidak ada persahabatan yang baik, mempunyai Konsep Diri yang rendah dan Kerisauan Sosial yang tinggi maka objektif kerja kumpulan itu tidak akan tercapai. Sekiranya para pendidik menggalakkan persahabatan yang membina di kalangan pelajar-pelajarnya, ini bukan sahaja dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih positif malah dapat meningkatkan Konsep Diri dan mengurangkan Kerisauan Sosial pelajar.
- b) Kaunselor dan Guru-Guru Disiplin. Kebanyakan masalah yang wujud di kalangan pelajar sekolah yang harus ditangani oleh kaunselor dan guru-guru disiplin ada kaitan dengan perhubungan pelajar itu dengan orang lain. Sekiranya kaunselor dan guru disiplin dapat mengenalpasti Konsep Diri dan Kerisauan Sosial pelajar (yang mungkin menjadi faktor mereka melakukan kesalahan tertentu) maka mereka akan dapat menangani masalah-masalah pelajar dengan lebih berkesan.
- c) Penggubal Kurikulum. Walaupun penggubal-penggubal kurikulum cuba menggalakkan penerapan nilai-nilai murni di dalam setiap mata pelajaran yang diajari, mereka juga harus disedarkan tentang kepentingan aspek sosial di dalam kehidupan pelajar. Sekiranya penggubal-penggubal kurikulum ini yakin yang aspek sosial adalah penting, mereka juga akan mengambil kira hal ini di dalam melaksanakan tugas mereka. Dengan itu kita berharap yang pelajar-pelajar yang akan dididik kelak akan dididik secara TOTAL yang seterusnya dapat memberi sumbangan yang lebih bererti kepada negara.

- d) Ibu Bapa. Ibu bapa harus diyakini tentang pengaruh rakan sebaya ke atas anak-anak mereka. Sekiranya mereka lebih mengambil berat tentang kawan-kawan anak-anak mereka, maka anak-anak mereka akan lebih berhati-hati dengan pemilihan kawan mereka. Di samping itu ibu bapa juga boleh menggalakkan anak-anak mereka menjalin persahabatan yang bererti dan berkualiti dengan melibatkan diri mereka di dalam persahabatan anak-anak mereka serta memberi nasihat sekiranya wujud masalah persahabatan. Ini juga akan menolong membentuk Konsep Diri anak-anak mereka serta mengurangkan Kerisauan Sosial mereka.
- e) Para Remaja. Para remaja harus disedari yang persahabatan yang berkualiti bukan sahaja memberi manfaat kepada mereka dalam jangka masa pendek malah untuk jangka masa panjang. Selain daripada pembentukan Konsep Diri yang positif dan kurangnya tahap Kerisauan Sosial, mereka akan beroleh harta yang tidak ternilai kerana sahabat yang setia tidak dapat disamakan dengan kekayaan material. Tambahan lagi mereka akan mempelajari kemahiran-kemahiran sosial yang diperlukan untuk bergaul di dalam masyarakat orang dewasa nanti. Di samping itu persahabatan berkualiti juga akan membentuk personaliti yang baik di kalangan para remaja. Setelah mengalami persahabatan yang berkualiti mereka tidak akan sentiasa 'menuntut' tetapi akan belajar 'memberi'. Ini akan mewujudkan individu-individu yang tidak mementingkan diri dan pasti akan menjadi aset kepada masyarakat kita.

1.7 BATASAN KAJIAN

Disebabkan kajian ini cuma meninjau persahabatan remaja perempuan maka skopnya agak terbatas. Walaupun persahabatan remaja perempuan dan lelaki adalah tidak sama, ini tidak bererti yang persahabatan tidak penting untuk remaja lelaki. Mereka juga banyak dipengaruhi oleh rakan sebaya dan persahabatan mereka. Satu lagi batasan kajian ini ialah kajian ini cuma meninjau persahabatan remaja di dalam zaman pertengahan remaja. Diharapkan kajian-kajian masa depan dapat pula

meninjau persahabatan remaja lelaki serta persahabatan pada peringkat awal dan pada akhir zaman remaja agar boleh memberi suatu gambaran yang lebih luas tentang persahabatan remaja.

BAB 2

TINJAUAN TEORI DAN KAJIAN LEPAS

Bab ini akan meninjau teori-teori dan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan pembolehubah-pembolehubah kajian iaitu Kualiti Persahabatan, Konsep Diri dan Kerisauan Sosial.

2.1 PERSAHABATAN REMAJA

Teori yang menghuraikan bagaimana interaksi dikaitkan dengan pembentukan Kendiri seseorang individu ialah Teori Interaksi Simbolik. Menurut teori ini, kendiri seseorang berkembang hasil daripada reaksi orang lain terhadap dirinya. Individu juga bertindak terhadap dirinya berdasarkan persepsinya terhadap reaksi orang lain. Ini bererti sistem kendiri bergantung kepada cara seseorang dilayani oleh orang lain. Dengan kata lain, kendiri ialah suatu hasil sosial (*social product*) dan ia tidak mungkin wujud tanpa interaksi dengan orang lain.

2.1.1 Interaksi

Interaksi merujuk kepada tingkah laku yang saling mempengaruhi di antara dua orang atau lebih daripada dua orang (Lauer & Handel, 1977). Apabila dua orang berinteraksi, mereka akan saling mempengaruhi tingkah laku sesama sendiri dan bertingkah laku berdasarkan tingkah laku orang lain terhadapnya. Ini bermakna individu-individu adalah manusia yang istimewa dan bukanlah hasil daripada rangsangan atau refleksi suatu sistem budaya atau suatu organisma yang digerakkan oleh desakan-desakan dalaman seperti yang disarankan oleh Freud. Pembentukan peribadi seseorang individu itu adalah bergantung kepada interaksinya dengan orang lain. Apa yang dilakukannya bukan bergantung kepada personalitinya sahaja tetapi juga

bergantung kepada interaksinya dengan orang lain. Contohnya, seseorang yang suka bercakap mungkin tidak banyak bercakap semasa berinteraksi dengan gurunya. Pada masa yang sama, individu ialah sebahagian daripada interaksi itu. Oleh yang demikian dia akan bertindak dan bukan sahaja bergerakbalas, mencipta dan bukan sahaja dibentuk atau dikawal. Dengan itu, unit asas untuk penganalisaan ialah apa yang dikatakan oleh Mead (1934) sebagai 'perlakuan sosial' iaitu suatu proses yang melibatkan sekurang- kurangnya dua individu dalam memuaskan desakan-desakan mereka.

Lauer & Handel (1977) berpendapat bahawa tanpa interaksi, kita tidak akan memperkembangkan atau memelihara ciri-ciri kemanusiaan kita. Ini adalah kerana interaksi juga penting untuk kesejahteraan fizikal dan emosional. Selain itu, interaksi juga penting untuk memelihara sikap dan kepercayaan. Kesatuan-kesatuan dan pertubuhan-pertubuhan mengadakan aktiviti-aktiviti sosial untuk ahli-ahli mereka kerana mereka mengetahui peri pentingnya interaksi dalam memelihara sikap dan kepercayaan mereka.

Tingkah laku diciptakan oleh interaksi dan bukan hanya muncul dalam masa kita berinteraksi. Kita tidak mungkin dapat memahami tingkah laku manusia dengan mengkaji seseorang individu secara berasingan. Tingkah laku ialah hasil interaksi itu sendiri dan bukan berdasarkan kualiti-kualiti yang dibawa masuk oleh seseorang individu ke dalam interaksinya. Blumer (1969) berpendapat yang interaksi membentuk tingkah laku manusia dan interaksi bukan sahaja suatu latar untuk tingkah laku manusia. Interaksi ialah suatu proses pembentukan. Corak interaksi berlainan akan menghasilkan tingkah laku yang berlainan. Contohnya cara seorang pelajar bertingkah laku semasa berinteraksi dengan gurunya adalah berlainan sekali dengan tingkah laku yang ditonjolkan semasa berinteraksi dengan kawan- kawannya atau ibu bapanya di rumah.

Oleh yang demikian, interaksi ialah tingkah laku yang saling mempengaruhi di antara 2 atau lebih daripada dua orang dan cara mereka saling mempengaruhi itu bergantung kepada kualiti perhubungan itu.

2.1.2 Simbol

Semua haiwan berkomunikasi tetapi cuma manusia sahaja yang berkomunikasi dengan menggunakan simbol. Mead (1934), mendefinisikan simbol berlandaskan pengertiannya. Suatu sistem simbol atau bahasa ialah cara individu memberitahu orang lain apakah responnya kepada sesuatu objek dan pada masa yang sama menyatakan makna objek itu. Oleh itu simbol ialah pengertian (*meaning*) yang dikongsikan bersama. Satu-satu simbol itu cuma akan bermakna jika berada di dalam konteks sistem yang simbolik. Contohnya seorang jejaka. Bagi seorang gadis, jejaka ini mungkin tunang tersayang. Bagi orang-orang lain pula, jejaka ini mungkin seorang pelanggan, kawan, musuh dan lain-lain. Setiap definisi simbolik tentang jejaka ini akan memberitahu orang-orang tertentu bagaimana mereka harus respon kepada kehadirannya.

Bahasa ialah simbol-simbol yang signifikan. Dalam interaksi manusia, mereka akan respon kepada rangsangan simbol-simbol signifikan dalam cara yang sama. Dengan kata lain, manusia ialah makhluk kognitif yang berfungsi di dalam suatu konteks yang melibatkan pengertian bersama. Pengertian ini dikomunikasikan melalui bahasa. Bahasa adalah sangat penting. Ia merupakan suatu ciri yang istimewa kepada kehidupan manusia. Peranan bahasa penting kerana ia menjadi faktor yang mengeratkan kumpulan manusia (melalui komunikasi) dan juga membolehkan individu mengorganisasikan kognisi, emosi dan tingkah lakunya.

Simbol datangnye daripada konteks sosial dan setiap dunia sosial mempunyai sistemnye yang tersendiri. Dengan kata lain, satu perkataan boleh membawa makna yang berbeza-beza baik di dalam satu bahasa ataupun di antara beberapa bahasa.

Dalam satu bahasa, perkataan yang sama yang digunakan oleh kumpulan yang berlainan akan membawa pengertian yang berlainan. Ini adalah kerana pengertian datangnya daripada pengalaman berinteraksi dan disebabkan pengalaman ini berbeza-beza maka pengertian juga berbeza-beza. Ini juga bermakna sistem simbol ini berbeza-beza bagi kumpulan/individu yang berbeza-beza.

Simbol-simbol ialah bentuk asas untuk kita:

- a) memahami realiti. Bahasa yang kita pelajari akan menolong kita melihat dunia ini dalam cara-cara yang tertentu. Pada masa yang sama, kita juga mampu mencipta perspektif baru melalui pengalaman interaksi baru dan perolehan simbol dan pengertian baru. Tanggapan kita terhadap dunia akan berubah apabila kita mengubahsuai sistem simbol kita melalui interaksi kita. Manusia juga boleh melihat pada dunia yang sama tetapi menanggapinya dalam bentuk yang berbeza-beza kerana mempunyai sistem simbol yang berbeza-beza.
- b) melakukan proses kognitif. Proses kognitif kita juga bergantung kepada penggunaan sistem simbol ini. Menurut Mead (1934), minda atau pemikiran kita tidak dapat berfungsi tanpa bahasa dan bahasa harus diperolehi dahulu sebelum minda dapat berkembang. Hubungan di antara simbol dengan pemikiran boleh dilihat melalui penelitian bahasa dan idea kumpulan tertentu. Contohnya konsep tertentu cuma wujud dalam budaya tertentu berdasarkan cara pemikiran kumpulan tersebut. Oleh itu kognisi sangat bergantung kepada sistem simbol. Disebabkan sistem simbol berubah dan berkembang, bahasa juga harus berkembang supaya dapat menampung pemahaman baru dan tidak menghalang pemikiran kreatif.
- c) bertingkah laku. Simbol juga ialah bentuk asas kepada tingkah laku kita. Kita didorong untuk bertindak oleh rangsangan simbol-simbol. Ini termasuklah simbol-simbol orang lain dan simbol-simbol kita sendiri. Sebelum kita respon kepada sesuatu situasi, situasi itu harus didefinisikan dulu supaya dia boleh

respon dengan cara yang sewajarnya. Ini adalah sebab mengapa individu yang berlainan akan bertindak dalam cara yang berlainan dalam satu situasi yang sama. Individu-individu yang menghadiri suatu majlis yang menawarkan banyak minuman keras mungkin akan berasa seronok, meluat atau kecewa. Ini adalah bergantung kepada cara dia mendefinisikan sesi minum ini sebagai suatu yang menyeronokkan, yang berdosa atau yang membosankan.

Ringkasnya simbol-simbol dipelajari dan pengertiannya boleh dikongsikan bersama. Inilah yang membezakan manusia dengan makhluk lain. Sistem simbol ialah asas untuk kita memahami realiti, untuk proses kognitif dan untuk kita bertingkah laku. Oleh yang demikian, ia juga penting untuk kita menjalin persahabatan, mengkonsepsikan diri dan bertingkah laku untuk mengurangkan kerisauan apabila suatu situasi itu ditafsirkan sebagai membawa kerisauan.

2.1.3 Teori Paivio Tentang Simbol Di Dalam Proses Kognitif

Huraian tentang Teori Mead menyimpulkan peranan simbol yang dikongsikan bersama di dalam interaksi manusia. Selain simbol yang dikongsikan bersama untuk membentuk makna, simbol juga wujud di dalam proses-proses kognitif.

Paivio (1979a) merupakan salah seorang ahli psikologi yang cuba meneliti proses-proses simbolik ini di dalam manusia. Proses kognitif merupakan fungsi representasi simbolik di dalam pemikiran manusia. Di dalam interaksi manusia, representasi simbolik bukan sahaja berbentuk bahasa "*verbal*" tetapi juga berbentuk imajineri "*nonverbal*" (Paivio, 1979a). Imej merujuk kepada proses mental yang dialami secara sedar. Imej tentang peristiwa dan objek sering mengimplikasikan sesuatu yang berbentuk visual kerana pengalaman visual adalah lebih dominan. Menurut Paivio (1979a) imej dan imageri merujuk kepada imageri konkrit iaitu representasi ingatan "*nonverbal*" tentang objek-objek konkrit dan peristiwa-peristiwa